



AKHBAR : BERITA HARIAN
 TARIKH/HARI : 3 JUN 2016/JUMAAT
 RUANGAN : DASAR & PENTADBIRAN
 M/S : 5

Ms.5

DASAR & PENTADBIRAN

Wahid tak
 terbabat politik
 selepas tamat

1.2 JUTA

sudah berdaftar
 sebagai ahli pusat
 sumber KEMAS

8,593

TABIKA

dan 490 Tabika KEMAS
 seluruh negara

6,644,767

PELAJAR

lepasan Tabika KEMAS
 antara 1970 hingga 2016

Fakta
 nombor



Najib bergambar bersama penerima anugerah pada Majlis Perhimpunan Perdana KEMAS sempena Hari Pendidik 2016 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), di Serdang, semalam. Turut hadir Ismail Sabri dan Hassan.

Penyelia KEMAS naik gred

➔ 1,263
 terbabit
 semakan
 semula skim
 perjawatan
 diharap lebih
 produktif

Oleh Mohd Hamizar
 Hamid
 mizar@bh.com.my

▸ Serdang

Seramai 1,263 penyelia Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) menerima khabar gembira apabila masing-masing dinaikkan gred bermula 1 Julai ini dengan kenaikan gred terakhir mereka 20 tahun lalu.

Mengumumkan perkara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata kenaikan itu membabitkan 920 Penyelia KEMAS pelbagai jurusan Gred S17 yang dinaikkan ke Gred S22.

Selain itu katanya, seramai 164 Penyelia Prasekolah KEMAS Gred S17 dinaikkan ke Gred S27, Penyelia Kanan KEMAS dari Gred S22 ke Gred S27 (178 orang) dan seorang Ketua Penyelia Kanan KEMAS negeri (Gred S27 ke Gred S32).

"Sehingga kini, hanya warga KEMAS dari golongan Penyelia yang masih belum mendapat kenaikan gred atau disemak semula skim perjawatan mereka

sejak tahun 1996.

"Diharap melalui kenaikan ini, semua penerima akan bekerja lebih gigih dan produktif pada masa akan datang," katanya berucap merasmikan Perhimpunan Perdana Anggota KEMAS Bersempena Hari Pendidik 2016 di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Hassan Mohd Amin.

5,000 pendidik KEMAS hadir

Perhimpunan bertemakan Guru Pembina Negara Bangsa dihadiri kira-kira 5,000 pendidik KEMAS seluruh negara selaras sambutan penubuhan KEMAS yang ke-55 tahun ini.

Terdahulu dalam ucapan sama, Najib berkata, KEMAS akan terus diperkukuh supaya kekal relevan untuk tempoh 55 tahun akan datang.

Beliau berkata, usaha memperkemas semangat dan roh untuk generasi baharunya penting supaya mereka terus komited dan bersungguh da-

lam kerjaya.

"Langkah seterusnya ialah memperhebat prestasi sebagai ejen transformasi dan bertindak sebagai penghubung aktif antara masyarakat dan kerajaan.

"Pendidik KEMAS juga perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, kreativiti serta inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Dalam ucapan sama, Najib turut mengingatkan KEMAS supaya tidak ketinggalan sebaliknya menjadi perintis jalan baharu sekali gus meningkatkan profesionalisme pendidik institusi itu.

"Usaha menjadikan KEMAS institusi bernilai tinggi dan berwibawa penting bagi meningkatkan kualiti dari sudut penjenamaan, kandungan kurikulum dan penyampaian supaya setanding institusi bertaraf dunia," katanya.

Pada majlis itu, Najib turut menyampaikan Anugerah Khas Hari Pendidik 2016 kepada Datuk Ibrahim Narek dari Selangor dan Khamsiyah Yahya, Kuala Lumpur.